

06 MAY 2002

Najib-Amerika (Bergambar)

LAWATAN PM KE AS ERATKAN KERJASAMA MEMERANGI KEGANASAN

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Amerika Syarikat selama tiga hari mulai 13 Mei ini, akan dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara Kuala Lumpur dan Washington dalam memerangi keganasan.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata sungguhpun Malaysia menggunakan pendekatan yang berbeza dalam memerangi keganasan, usaha itu kini dapat diterima baik oleh Amerika Syarikat.

"Mereka (Amerika Syarikat) tahu Malaysia sebagai negara Islam sudah tentu mempunyai cara sendiri dalam memerangi keganasan, tetapi ini tidak mengapa bagi mereka, asalkan matlamatnya sama untuk menghapuskan sebarang ancaman penganas dan militan di dalam negara kita dan memberi kerjasama di peringkat rantau ini dan global," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Setiausaha Pertahanan Filipina, Angelo T. Reyes di pejabatnya di sini hari ini.

Najib percaya lawatan itu juga akan mengukuhkan lagi hubungan politik kedua-dua negara.

"Suasana di Washington amat positif untuk menerima kedatangan Perdana Menteri yang merupakan kemuncak kepada usaha kita untuk memperbaiki hubungan politik dengan Amerika Syarikat," katanya.

Antara menteri yang akan menyertai rombongan Dr Mahathir ke Amerika Syarikat ialah Najib sendiri, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Mengulas kunjungan Reyes hari ini, Najib berkata antara perkara yang dibincangkan ialah tindakan kerajaan Filipina dalam memerangi ancaman kumpulan penganas Abu Sayyaf di Selatan Filipina.

Selain itu, katanya kedua-dua pihak pada dasarnya bersetuju untuk bertukar-tukar maklumat risikan antara satu sama lain dalam memerangi keganasan.

Menurutnya perkara itu akan dilaksanakan secepat mungkin bagi memudahkan kedua-dua negara berkongsi maklumat.

-- BERNAMA

JAI RV LAT